

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. jumlah permohonan kemasukan Program Matrikulasi tahun 2019 dari setiap negeri yang berjaya dan yang ditolak; dan
- b. pendapatan isi rumah tertinggi, purata dan terendah bagi keluarga pelajar bumiputera dan bukan bumiputera yang berjaya dan yang ditolak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah sebanyak 78,727 permohonan, seramai 55,324 orang murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah ditawarkan untuk mengikuti Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan bagi sesi 2019/2020. Hal ini bermakna seramai 23,403 orang murid tidak berjaya menerima tawaran bagi sesi tersebut.

Daripada jumlah keseluruhan murid lepasan SPM yang memohon, jumlah murid yang ditawarkan dan tidak ditawarkan ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan bagi sesi 2019/2020 mengikut negeri adalah seperti yang berikut:

1. Johor, jumlah ditawarkan seramai 6,689. Jumlah tidak ditawarkan sebanyak 2,576;
2. Kedah, jumlah ditawarkan seramai 4,879. Jumlah tidak ditawarkan 2,121;
3. Kelantan, jumlah ditawarkan seramai 5,488. Jumlah tidak ditawarkan 1,548;
4. Melaka, jumlah ditawarkan seramai 1,901. Jumlah tidak ditawarkan 851;
5. Negeri Sembilan, jumlah ditawarkan seramai 2,529. Jumlah tidak ditawarkan 1,183;
6. Pahang, jumlah ditawarkan seramai 3,245. Jumlah tidak ditawarkan 1,089;
7. Perak, jumlah ditawarkan seramai 4,555. Jumlah tidak ditawarkan 2,362;
8. Perlis, jumlah ditawarkan seramai 469. Jumlah tidak ditawarkan 185;
9. Pulau Pinang, jumlah ditawarkan seramai 2,786. Jumlah tidak ditawarkan 1,991;
10. Selangor, jumlah ditawarkan seramai 11,254. Jumlah tidak ditawarkan 4,315;

12. Terengganu, jumlah ditawarkan seramai 3,798. Jumlah tidak ditawarkan 1,141;
13. Sabah, jumlah ditawarkan seramai 2,612. Jumlah tidak ditawarkan 1,755;
14. Sarawak, jumlah ditawarkan seramai 2,599. Jumlah tidak ditawarkan 1,153;
15. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, jumlah ditawarkan seramai 2,075. Jumlah tidak ditawarkan 998;
16. Wilayah Persekutuan Labuan, jumlah ditawarkan seramai 105. Jumlah tidak ditawarkan 59; dan
17. Wilayah Persekutuan Putrajaya, jumlah ditawarkan seramai 340. Jumlah tidak ditawarkan 76.

Daripada jumlah tawaran tersebut, seramai 25,919 orang murid telah mendaftar menjadikan seramai 29,405 orang murid memilih untuk menolak tawaran bagi sesi tersebut seperti pada 30 Jun 2019.

- b. Berdasarkan data yang diisi oleh pemohon, purata pendapatan isi rumah (bersih) pelajar Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan bagi sesi 2019/2020 adalah sebanyak RM3,916.52.

Sekian, terima kasih.